



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PERPADUAN DAN KEHARMONIAN ELEMEN UTAMA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020

**LABUAN, 8 Februari 2020** –Wilayah Persekutuan Labuan kini dalam persiapan untuk menjadi sebuah pulau pintar atau ‘smart sustainable island’ sejajar dengan Blueprint Pembangunan Labuan 2030. Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama Perbadanan Labuan dan PLANMalaysia melaksanakan pelan transformasi dalam menjadikan Labuan sebagai pusat ekonomi serantau bersepada dengan perkhidmatan perniagaan, pelaburan dan pengantaraan yang lebih baik di rantau Asia.

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan perhubungan, kemudahan infrastruktur digital Labuan juga dipertingkatkan selaras dengan Pelan Gentian Optik Dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) dan dilengkapi dengan teknologi generasi kelima (5G) disasarkan pelaksanannya sehingga 2023. Pelaksanaan 5G di Labuan ini adalah untuk mempercepatkan pembangunan Labuan sebagai pulau pintar serta memberikan impak positif kepada ekonomi pulau ini bagi tempoh jangka masa panjang. Rancangan Kawasan Khas Pelancongan Labuan turut diberi fokus dalam menjadikan pulau Labuan sebagai destinasi pelancongan pintar yang telah bermula pada penghujung 2019.

Karnival Sukan Wilayahku dan Kenduri Rakyat WP Labuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 ini mengumpulkan semua warga Labuan dalam bersama-sama bergotong-royong untuk mengeratkan lagi perhubungan sesama rakyat. Karnival Sukan Wilayahku mendapat penyertaan seramai 4,000 orang yang melibatkan 11 acara sukan iaitu *Fun Walk, Fun Run, Fun Ride, Boling padang, Pentaque, Bola Tampar*

Pantai, Kayak, Sukan Tradisional (Lumba Karung, Lari Bawa Bola Ping Pong, Lari Ikat Kaki, Pertandingan Minum Air Kelapa dan Gasing Tradisional), Futsal, *Beyblade* dan *E-Sport*.

Kenduri Rakyat ini merupakan *signature* program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang dinanti-nantikan oleh warga Labuan pada setiap tahun. Kenduri Rakyat peringkat WP Labuan ini melibatkan sebanyak 27 kampung, 2 Dewan Perniagaan iaitu Dewan Perniagaan India dan Dewan Perniagaan Tiong Hua serta 2 buah hotel daripada Hotel Dorsett Grand dan Lazenda WP Labuan yang telah dibahagikan kepada 10 kumpulan. Selain itu, Kenduri Rakyat ini turut mendapat kerjasama strategik daripada Syarikat Petronas Chemicals Methanol Sdn. Bhd. yang merupakan salah satu objektif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) pihak Petronas kepada warga Labuan khususnya dengan memberikan sumbangan seperti beras, tong gas, baju t-shirt, topi dan apron. Manakala Festival Sambutan Hari Wilayah Persekutuan diwujudkan semula pada tahun ini dan pelaksanaannya akan dimulai di WP Kuala Lumpur dan akan dilaksanakan secara penggiliran antara ketiga-tiga Wilayah.

Penganjuran program ini yang dekat di hati komuniti setempat menunjukkan impak positif penyatuan dan keharmonian hubungan sesama warganya. Program ini turut menjadi landasan kepada kerajaan untuk menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pengisian aktiviti-aktiviti yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat.

Kementerian dan Perbadanan Labuan turut memperbanyak pelaksanaan program di bawah Inisiatif Wilayah Peduli bagi peningkatan kesejahteraan dan pembangunan sosio ekonomi penduduk Labuan merangkumi program khidmat masyarakat, sukan, kerohanian, imliah dan sebagainya.

#### **Disediakan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
8 Februari 2020**